

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN BATHMAWATHI KRISHNAN
TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 3

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Perjanjian Marrakesh akan ditandatangani untuk membolehkan golongan OKU penglihatan mengakses bahan-bahan penerbitan tanpa had.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Marrakesh di kawal selia oleh Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Inti pati utama Perjanjian Marrakesh ini adalah pelaksanaan pengecualian karya hak cipta terhadap keperluan Orang Kurang Upaya penglihatan untuk mendapatkan akses kepada karya-karya dalam format boleh akses melalui '*Authorised Entity*'. Melalui Pengecualian bersyarat yang diberikan kepada '*Authorised Entity*' ini, sebarang karya boleh dilakukan tanpa memerlukan keizinan daripada pemegang hak karya hak cipta tersebut.

Penyertaan Malaysia ke dalam Perjanjian Marrakesh dapat memberi faedah kepada golongan kurang upaya penglihatan bagi mendapatkan akses kepada bahan-bahan hak cipta seperti penerbitan buku format *braille* dan sebagainya. Sehingga hari ini, triti ini telah disertai 41 buah negara.

Kementerian ini akan memberi sokongan penuh sekiranya Perjanjian Marakesh ini ditandatangani oleh Kerajaan untuk membolehkan golongan OKU penglihatan mengakses bahan-bahan penerbitan tanpa had.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH
TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 7

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah peserta KWSP i-Suri di setiap negeri dan apakah tindakan yang telah dilakukan untuk menambah peserta dari luar bandar yang kurang literasi teknologi terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) Fasa 1 telah mula dilancarkan pada 15 Ogos 2018. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah meletakkan sasaran pendaftaran seramai 100,000 orang suri rumah dan wanita bagi tahun 2019. Sehingga 30 Jun 2019, jumlah suri rumah dan wanita yang telah berdaftar di bawah program i-Suri Fasa 1 ini adalah seramai 109,022. Jumlah ini telah melebihi sasaran Kementerian.

| Negeri | Bil. Peserta eKasih | Bilangan Pendaftaran i-Suri |
|---------------------------|----------------------------|------------------------------------|
| Sarawak | 65,622 | 18,364 |
| Kelantan | 55,828 | 20,213 |
| Sabah | 43,471 | 15,100 |
| Terengganu | 28,830 | 17,731 |
| Selangor | 21,386 | 4,075 |
| Perak | 20,627 | 5,957 |
| Kedah | 16,470 | 6,581 |
| Pulau Pinang | 14,242 | 4,813 |
| Johor | 11,481 | 3,422 |
| Pahang | 11,131 | 4,164 |
| Melaka | 9,335 | 2,265 |
| Negeri Sembilan | 8,567 | 1,877 |
| Perlis | 7,943 | 3,035 |
| WP Kuala Lumpur | 6,380 | 1,425 |
| Jumlah keseluruhan | | 109,022 |

Bagi menggalakkan pendaftaran i-Suri dalam kalangan wanita dan suri rumah yang memenuhi kriteria kelayakan, Kementerian melalui Agensi Pelaksana iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama Rakan Strategik seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) masih menggiatkan aktiviti promosi i-Suri melalui inisiatif *mobile team* dan siaran media. Inisiatif mempromosikan i-Suri melalui Program *Outreach* oleh JKM dan AIM dilihat amat membantu

SOALAN NO. 7

dalam memberikan pendedahan mengenai i-Suri kepada kumpulan sasaran.

Usaha menggiatkan pendaftaran ini perlulah dilaksanakan secara bersama dan berterusan oleh pelbagai pihak termasuklah penglibatan komuniti setempat dan juga Ahli Parlimen terutama peserta yang berdaftar dengan eKasih dan diperolehi melalui proses verifikasi di lapangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **Datuk Lim Pay Hen**
TARIKH : **31 Julai 2019 (Rabu)**

SOALAN NO. 19

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

(a) bagaimana Kementerian akan berkongsi pangkalan data sistem iaitu Daftar Kanak-kanak Malaysia dengan negara ASEAN lain bagi pemantauan yang lebih efektif ke atas penjenayah seksual kanak-kanak; dan

(b) adakah perkongsian butiran dan maklumat secara terperinci mengenai pesalah dalam pangkalan data sistem tersebut akan melibatkan kerjasama Kementerian lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian ini belum bercadang untuk data di dalam Daftar Kanak-Kanak dikongsi bersama dengan negara ASEAN yang lain.

Tujuan Daftar Kanak-Kanak adalah bagi melindungi dan memberikan intervensi yang sewajarnya kepada mangsa kanak-kanak, manakala menyiasat dan memantau penjenayah adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Walau bagaimanapun, PDRM telah mengadakan kerjasama dengan Pihak Penguat kuasa Luar Negara di peringkat antarabangsa seperti FBI dan Interpol dalam memantau penjenayah seksual terhadap kanak-kanak melalui perkongsian maklumat. Pada masa yang sama juga, Jabatan Imigresen Malaysia turut membantu memantau pergerakan masuk dan keluar individu daripada hasil perkongsian maklumat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 120 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bahawa maklumat dalam Daftar boleh diberikan kepada orang-orang yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah JKM atas alasan bahawa akses mereka kepada Daftar akan mempertingkatkan perlindungan kanak-kanak.

Sekiranya perkongsian butiran dan maklumat secara terperinci mengenai pesalah dalam Daftar Kanak-Kanak dilaksanakan di peringkat ASEAN maka ia akan melibatkan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN**
NAIR
TARIKH : **31 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 37

Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dalam laporan "Pressing for Progress: Women's right and gender equality 2018" di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ada menyebut bahawa pelbagai tindakan telah dilaksanakan untuk melindungi wanita daripada keganasan dan diskriminasi. Dalam konteks negara kita, apakah perancangan dan keberhasilan Kementerian untuk memastikan wanita dan kanak-kanak perempuan dari semua peringkat umur dapat menikmati hak asasi yang saksama dan adil untuk kehidupan yang lebih terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia adalah negara ahli kepada Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan secara prinsipnya menyokong dapatan dalam laporan "*Pressing for Progress: Women's Right and Gender Equality 2018*". Dalam isu perkahwinan bawah umur misalnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil pendirian bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk mengembangkan potensi mereka sepenuhnya. Sebarang aktiviti yang mungkin membantutkan perkembangan mereka terutamanya dari segi pendidikan dan perubatan harus ditegah supaya mereka dapat mengejar masa hadapan yang lebih luas dan cerah. Perkahwinan bawah umur sebagai contoh akan memberi cabaran meliputi tekanan daripada segi fizikal dan mental yang merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, pendidikan dan kewangan terhadap seorang kanak-kanak.

Dalam usaha Kerajaan menangani isu perkahwinan bawah umur, Kementerian telah mengadakan beberapa siri sesi konsultasi dan perbincangan dengan pelbagai pihak seperti kementerian/jabatan Kerajaan, ahli akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, NGO, agamawan dan wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak. Bagi mengawal permohonan perkahwinan bawah umur orang Islam, Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) telah mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur sebagai panduan kepada Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Berdasarkan makluman yang diterima daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), satu draf pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 [Akta 303] sedang disediakan dengan meminda umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi perempuan serta dengan menjadikan tatacara-tatacara permohonan kebenaran untuk berkahwin di bawah had umur minimum sebahagian daripada pindaan Akta 303. Bagi perkahwinan orang bukan Islam pula, pengecualian hanya diberi kepada perempuan berumur 16 dan 17 tahun yang mendapat kebenaran daripada Ketua Menteri/Menteri Besar. Pengecualian ini walau

bagaimanapun, akan ditangani melalui mekanisme kawalan yang akan dilaksanakan melalui penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) permohonan perkahwinan bawah umur.

Terkini, Kementerian telah melancarkan video pendidikan seks untuk kanak-kanak melalui medium digital Youtube sebagai usaha bagi menangani isu jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Lima video berdurasi satu minit setiap satu itu ditayangkan sebelum video kegemaran kanak-kanak seperti lagu kanak-kanak, siri kartun, mengenali huruf dan warna serta sebagainya, dalam bentuk iklan. Kementerian menyasarkan video pendidikan seks '*safe touch*' (sentuhan selamat) dan '*bad touch*' (sentuhan jahat) itu ditonton kira-kira 150,000 kanak-kanak di negara ini. Diharap langkah kreatif untuk menyampaikan dan menyebarkan luas video pendidikan seks ini kepada kanak-kanak dapat mencapai matlamat Kementerian bagi mengurangkan kes jenayah seksual kanak-kanak di Malaysia seterusnya memastikan kanak-kanak dapat menikmati hak asasi yang saksama dan adil untuk kehidupan yang lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian komited dalam usaha untuk melindungi wanita terutamanya daripada keganasan dan diskriminasi selaras dengan apa yang termaktub dalam CEDAW dan juga bagi mencapai Matlamat 5, Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals-SDGs*) iaitu, mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan.

Perlindungan daripada keganasan dan diskriminasi dapat dilihat dari segi perundangan apabila pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] telah dilakukan pada tahun 2012 dan 2017. Pindaan pada tahun 2017 bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan. Lima pindaan utama merangkumi perluasan tafsiran Keganasan Rumah Tangga, memperkenalkan Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order EPO*), pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa, memperkenalkan Program Pemulihan dan penambahbaikan Perintah Perlindungan Interim (IPO) dan Perintah

SOALAN NO. 37

Perlindungan (PO) dalam aspek pemakluman status kepada mangsa. Dari aspek hukuman kepada pesalah, Seksyen 326A Kanun Keseksaan menetapkan hukuman penjara mandatori dua kali ganda kepada pesalah yang melakukan keganasan rumah tangga kepada bekas suami, isteri, kanak-kanak dan anggota keluarga. Impaknya, Malaysia telah berjaya melindungi hak mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang majoritinya ialah wanita. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bilangan kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2018 dan 2019 adalah sebanyak 6,482 kes.

Selain daripada itu, pada tahun 2006, pindaan terhadap Kanun Keseksaan telah dibuat termasuk pindaan peruntukan di dalam Kanun Keseksaan untuk melindungi isteri. Kanun Keseksaan dipinda dengan memasukkan peruntukan di bawah Seksyen 375A yang menjamin hak isteri sekiranya suaminya melakukan kekerasan rumah tangga terhadapnya atau orang lain seperti mencederakan isterinya atau meletakkan isterinya atau orang lain dalam ketakutan, kematian atau kecederaan dengan tujuan mengadakan hubungan seks.

Dalam usaha untuk merealisasikan prinsip-prinsip CEDAW dalam perundangan di Malaysia, Kementerian kini sedang mengambil inisiatif untuk menggubal perundangan anti diskriminasi terhadap wanita bagi mencapai kesaksamaan gender di Malaysia. Inisiatif ini juga selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama, Kementerian menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) turut sedang menggubal satu akta khusus yang bersesuaian bagi menangani isu gangguan seksual.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya percaya, usaha untuk melindungi dan menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan terutamanya bukanlah tanggungjawab Kementerian ini semata. Saya ingin menyeru semua untuk memperjuangkan hak wanita dan kanak-kanak bersama Kerajaan dan menjadikan ia sebagai tanggungjawab bersama dalam memastikan setiap rakyat dapat menikmati hak asasi yang saksama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 67

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan untuk membina pusat asuhan kanak-kanak di bangunan-bangunan Kerajaan di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan daripada kenyataan yang dibuat oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Parlimen bahawa Kementerian memandang serius terhadap tragedi yang berlaku pada kanak-kanak di rumah pengasuh dan TASKA, dan semua agensi kerajaan wajib untuk mewujudkan TASKA di Tempat Kerja menjelang 1 Januari 2019.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menubuhkan *Task Force* TASKA Tempat Kerja Awam di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat. **Pasukan *Task Force* ini telah membuat lawatan pengauditan ke semua agensi kerajaan bermula 24 Julai 2018 dan memberi khidmat nasihat teknikal bagi penubuhan TASKA.**

Pada 10 Ogos 2018 satu surat bertajuk *Task Force* TASKA Tempat Kerja Awam telah dikeluarkan kepada semua agensi kerajaan persekutuan dan negeri bagi mendapat maklumat penubuhan TASKA di agensi masing-masing. Secara keseluruhan, maklumat yang diperolehi **sebanyak 541 Kementerian/Jabatan/Agensi masih belum mempunyai TASKA di Tempat Kerja.** Surat tersebut telah diedarkan kepada **31 buah kementerian/Jabatan/Agensi di Pulau Pinang** dan maklum balas yang diterima adalah **13 buah Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah menubuhkan TASKA di Tempat Kerja (TTK), 15 masih belum menubuhkan TTK manakala 3 Kementerian/Jabatan/Agensi tidak memberi maklum balas.**

Justeru RM10 juta yang diperuntukan melalui dasar bajet 2019 bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja baharu telah dibuka permohonan kepada 541 Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah dikenalpasti masih belum mempunyai TASKA di tempat kerja. **Kementerian ini menerima 5 permohonan daripada Pulau Pinang dan 3 Kementerian/Jabatan/Agensi telah diluluskan geran penubuhan TTK**

SOALAN NO. 67

berjumlah RM580,000.00. 3 buah Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah diluluskan ini akan terus dibuat pemantauan sehingga penubuhan TASKA selesai dan didaftarkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ALAN LING SIE KIONG
TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 69

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah insentif sedia ada dan bantuan dari segi latihan dan geran untuk membolehkan institusi Kerajaan seperti sekolah dan juga syarikat swasta untuk menubuhkan Taska di tempat kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyokong agar pihak majikan menyediakan TASKA di Tempat Kerja bagi memberi sokongan kepada ibu bapa bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka. Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Mei 2019, terdapat **287** buah TASKA yang disediakan oleh majikan di sektor awam dan swasta. Daripada jumlah ini, **227** adalah dari majikan sektor awam dan **60** dari majikan sektor swasta.

Bagi menggalakkan dan memperbanyakkan lagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja, antara inisiatif baharu yang telah diusahakan oleh kerajaan adalah memperuntukkan **RM10juta** melalui dasar bajet 2019 bagi penubuhan 50 buah TASKA di Tempat Kerja baharu kepada agensi Kerajaan/Negeri/Badan Berkanun. Hasil dari itu, sebanyak 66 buah agensi Kerajaan/Negeri/Badan Berkanun telah diluluskan geran bagi menubuhkan TASKA di Tempat Kerja di sektor awam. Geran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam ini juga membenarkan perbelanjaan dari segi pengubahsuaian premis TASKA, perabot dan peralatan untuk kegunaan TASKA dan latihan kepada kakitangan TASKA.

Untuk makluman, salah satu syarat minimum untuk mendaftarkan TASKA adalah semua pengusaha, pengurus dan penyelia di dalam TASKA wajib untuk menghadiri dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (KAP). Manakala, pengasuh kanak-kanak hendaklah hadir dan lulus dalam masa 12 bulan bekerja di TASKA. Sehubungan itu, TASKA di tempat kerja sektor awam yang menerima geran telah disediakan peruntukan untuk latihan kepada pengusaha dan kakitangan pengasuh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 127

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan penggunaan tenaga kerja dalam kalangan warga emas sebagai langkah meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan serta mengurangkan masalah kemurungan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah merangka aktiviti dalam memastikan warga emas sentiasa aktif dan produktif.

Melalui pengumuman bajet 2019, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif bagi memastikan warga emas mendapat tempat dalam pekerjaan melalui Insentif Pengurangan Kadar Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi ahli berumur 60 tahun ke atas.

Bagi tujuan penggalakan kerja-kerja sukarelawan warga emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan platform berkenaan melalui Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sehubungan itu, warga emas boleh mendaftarkan diri di 88 buah PAWE yang berdekatan bagi tujuan tersebut. Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) melalui Jawatankuasa Pekerjaan yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga sedang meneliti penggalakan kerja sukarelawan berkenaan di mana KSM melalui Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) sedang mengkaji konsep '*Time Bank*' jika bersesuaian untuk dilaksanakan.

Data semasa dari pihak KWSP sehingga Disember 2018 juga merekodkan bahawa seramai **285,567** warga emas masih aktif bekerja dalam sektor swasta.

Melalui Pelan Tindakan Warga Emas Negara terdapat beberapa program yang telah dirancang bagi jangka pendek, sederhana dan panjang yang melibatkan pelbagai agensi pelaksana seperti berikut:

- a) Mengadakan kempen melalui media cetak dan media elektronik untuk mengubah persepsi negatif terhadap pekerja warga emas.

SOALAN NO. 127

- b) Mengkaji semula Akta Kerja 1955 dan akta lain yang berkaitan peraturan pekerjaan serta pelaksanaannya untuk mengatasi masalah diskriminasi umur dan definisi kerja.
- c) Meningkatkan peluang pekerjaan warga emas dalam sektor formal melalui:
- Masa bekerja anjal
 - Kerja separuh masa
 - Bekerja di rumah
 - *Piece Work*
- d) Menggalakkan pekerja berumur 40 tahun dan ke atas membuat persediaan penyesuaian diri ke alam kerjaya kedua.
- e) Memberi peluang kepada penjawat awam yang mencapai umur wajib bersara untuk terus berkhidmat dalam jawatan berasaskan kepakaran/ kemahiran yang diperlukan.

KPWKM melalui JKM juga telah merancang program PAWE *One Stop Centre* iaitu PAWE sebagai pusat setempat untuk perkembangan dan kesejahteraan warga emas dan juga sebagai pusat sehenti pepadanan pekerjaan atau pemerksaan ekonomi warga emas. Selain daripada itu *Golden Mind Programme* juga dirancang supaya kumpulan profesional dari kalangan warga emas menyumbang ilmu, idea dan kepakaran ke arah pembangunan warga emas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN KAMARUDDIN BIN ABDUN**
TARIKH : **31 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 131

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan meneliti semula peruntukan makanan kepada rumah anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu dari RM8.00 kerana ia tidak mencukupi. Peruntukan sekarang adalah RM8.00 sehari untuk 5 kali makan adalah tidak memadai dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu mengkaji semula untuk menaikkan kadar tersebut kepada RM16.00 sehari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai pertubuhan sukarela kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai sokongan kepada usaha untuk melengkapi dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kerajaan melalui KPWKM telah menyediakan bantuan kewangan kepada PSK termasuk kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, di bawah peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bantuan yang disalurkan masih sebanyak RM8.00 sehari bagi kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni di pusat jagaan.

Sebagai menyokong usaha Kerajaan, PSK juga diharap dapat mengambil inisiatif untuk mendapatkan dana lain bagi menampung kos pengurusan pusat jagaan demi kesejahteraan penghuni. Ini adalah selaras dengan prinsip kerjasama strategik yang dijalinkan.